

08/02/1998

Mahathir tegas keputusan mesyuarat

KOTA BHARU: Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetap tegas dengan keputusan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan yang tidak mahu wujudnya pertandingan di peringkat jawatan ketua Umno bahagian di Kelantan.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamad, berkata Dr Mahathir lebih mengetahui kedudukan Umno Kelantan kerana beliau menerima pelbagai laporan dan masalah membabitkan beberapa bahagian di negeri ini.

Menurutnya, arahan supaya tiada pertandingan di peringkat jawatan ketua bahagian bertujuan menjaga perpaduan parti yang memerlukan sedikit pengorbanan ahli bagi memastikan Umno kembali berkuasa di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang.

"Hasil keputusan mesyuarat pada 26 Januari itu, beliau (Dr Mahathir) mengarahkan Datuk Annuar Musa memastikan arahan itu dilaksanakan sepenuhnya di Kelantan.

"Oleh itu, apa yang beliau kata, sudah difikir semasak-masaknya kerana terbukti dalam banyak perkara keputusan Dr Mahathir tepat. Kita sebagai ahli Umno di peringkat bawahan wajar mematuhi arahan itu demi menjaga kebaikan parti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada ketua-ketua cawangan Umno dalam bahagian Peringat, di Sekolah Menengah Ketereh, di sini kelmarin.

Dalam ucapannya itu, beliau menerangkan mengenai keputusan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan supaya jawatan ketua Umno bahagian di negeri ini tidak dipertandingkan pada pemilihan di peringkat bahagian, Mac ini.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa dan Setiausaha Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Mohd Ariffin Abdul Hamid.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, soal mengelakkan pertandingan jawatan di peringkat ketua bahagian juga sudah dibincang dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Sehubungan itu, beliau menolak dakwaan golongan tertentu kononnya keputusan mesyuarat Perhubungan Umno Kelantan itu sebagai keputusan ketua-ketua bahagian untuk menyelamatkan kedudukan mereka.

Menurutnya, ahli Umno Kelantan tidak seharusnya menunjukkan sikap ingkar terhadap arahan Presiden yang mempunyai rahsia tersendiri demi kebaikan Umno Kelantan.

"Kalau tidak dengar lagi nasihat dan arahan itu, tidak tahulah dan kita serahkan kepada MT untuk membuat keputusan sewajarnya," katanya.

(END)